

# Petikan al-Quran, hadis tunjangi ucapan Belanjawan

Lima ayat al-Quran, satu hadis, petikan surat Saidina Ali serta pandangan pemikir Islam dan Asia, menunjangi ucapan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika bentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, semalam.

Pendekatan Perdana Menteri itu dilihat berbeza berbanding pembentangan bajet sebelum ini, apabila menggunakan ayat al-Quran dan hadis untuk menyokong hujah dan pendekatan dalam Belanjawan Madani, selain panda-

ngan pemikir Islam dan Barat.

Beliau memulakan ucapan dengan memetik ayat 55 dalam Surah Yusuf, mengisahkan keresahan Raja Mesir ketika itu, Raja Al-Aziz ketika berdepan cabaran ekonomi tujuh tahun bagi memandu belanjawan yang dirangka dalam suasana negara kita diunjur berdepan kemelesetan ekonomi.

Perdana Menteri turut memetik ayat 88 dalam Surah Hud bagi memberi keyakinan kepada pimpinan politik, peniaga dan ra-

kyat bahawa Malaysia mampu berdepan cabaran itu dengan kekuatan dan kepintaran.

Beliau memetik ayat tujuh Surah Al-Hasyr ketika mula menyentuh kepentingan meningkatkan hasil negara dan agihan yang adil, ayat 41 Surah Ar-Rum mengenai inisiatif kerajaan berhubung amalan hijau dan ayat 18 Surah At Taubah bagi menghargai peranan imam, bilal dan guru mengimarahkan masjid.

Pada masa sama, Anwar turut

memetik hadis Nabi Muhammad SAW ketika memberi peringatan supaya tiada lagi mana-mana pihak cuba mengapi-apikan perbezaan kaum dan warna kulit di negara ini, merujuk peringatan baginda mengenai kumpulan yang dibinasakan Allah kerana bertindak melampau.

Beliau juga memetik surat Saidina Ali Abi Talib diutuskan kepada calon Gabenor Mesir, Malik Ashtar, antara petikannya memberi nasihat mengenai be-

ban pemerintah yang bertukar ringan jika rakyat sejahtera dan peringatan mengenai kehancuran negara kerana penguasa rakus membolot kekayaan.

Perdana Menteri seperti kebiasaannya turut memetik pandangan beberapa pemikir Islam dan Barat, antaranya idealisme pelopor kewangan Islam, Prof Dr Muhammad Nejatullah Siddiqi yang menekankan konsep keadilan dan moral dalam perbankan dan kewangan Islam.